

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD  
(SHAH ALAM)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 09.06.2014**

**Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD [ SHAH ALAM ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status cadangan pembinaan terowong bawah tanah dari KL Sentral ke Stesen MRT Muzium Negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Skim Keretapi atau "*Railway Scheme*" untuk Projek *Mass Rapid Transit* (MRT) Jajaran Sg. Buloh-Kajang telah menetapkan supaya sambungan pejalan kaki atau "*pedestrian*

*linkway*" dibina bagi menghubungkan KL Sentral dan Stesen MRT Muzium Negara. Ia sangat penting dan perlu dilaksanakan bagi mewujudkan *connectivity* dan integrasi antara KL Sentral dan Stesen MRT Muzium Negara untuk kemudahan dan keselesaan pengguna seterusnya dapat mengalakkan penggunaan pengangkutan awam. Pada masa ini, kerja-kerja reka bentuk terperinci bagi pembinaan sambungan pejalan kaki sepanjang 250 meter sedang dilaksanakan di mana sebahagian daripada sambungan pejalan kaki berkenaan melibatkan pembinaan terowong pejalan kaki bawah tanah sepanjang 74 meter. Keseluruhan kerja-kerja pembinaan dijangka siap sepenuhnya sebelum 31 Disember 2016.